

1. Definisi kesenian

Kesenian adalah cabang daripada kebudayaan.¹ Menurut Drs. Sidi Gasalba, seni dapat didefinisikan sebagai suatu usaha untuk mencipta bentuk-bentuk yang menyenangkan. Bidang kebudayaan yang utama untuk membina kesenangan ialah kesenian. Bentuk-bentuk tersebut dapat memuaskan penghayatan keindahan dan penghayatan itu pula dapat dipuaskan sewaktu kita mampu untuk menghargai kesatuan hubungan-hubungan formal antara persepsi penghayatan. Di sini kita dapat memahami dengan jelas bahawa kesenian itu berkait rapat dengan keindahan.²

Dr. Zubir Osman juga berpendapat bahawa kesenian berterti oiptaan keindahannya. Oleh itu ianya dikatakan boleh memberi kepuasan jiwa kepada setiap insan yang benar-benar menghayatinya.

¹Kebudayaan berasal dari budi dan daya. Budi ialah perasaan hati yang baik, murni dan dilahirkan menjadi perbuatan, amalan dan kehidupan sehari-hari. Iaitu dijadikan satu daripada asas adat istiadat hidup sesuatu bangsa. Daya ialah akal fikiran atau usaha yang ditujukan kerana mencapai budi yang murni. Kebudayaan adalah perasaan hati yang dilahirkan untuk mengikat hidup manusia dalam lingkungan kesucian, kesejahteraan, kehalusan dan keyakinan.

²Drs. Sidi Gasalba, Pandangan Islam Tentang Kesenian, Cetakan Pertama, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 10.

Seperti juga kata Ghazali Dunia, keindahan dapat menimbulkan rasa senang orang yang melihatnya. M. Zaironi pula berpendapat:

" Kesenian ialah pengwujudan rasa indah, atau perasaan keindahan seseorang dalam usahanya mencapai perkembangan hidup masyarakat."³

Menurut ilmu antropologi, budaya kesenian dapat dinilai melalui tiga unsur, iaitu unsur etika, estetika dan logika. Estetika ialah nilai indah dan bagus dibandingkan dengan nilai etika iaitu nilai baik dan nilai jahat. Bagi mereka yang menikmati hasil-hasil karya seni, akan mengalami penghayatan estetika. Pengalaman itu ialah perasaan yang timbul sewaktu kita memandang sesuatu yang indah pada alam dan karya seni.⁴

Kesenian mempunyai berbagai cabang yang dapat dibahagikan menurut salurannya. Pada kebiasaannya kesenian ini dapat dibahagikan kepada empat bahagian:

- 1) Seni Audio : iaitu sesuatu kesenian yang dapat disengar oleh telinga dan dirasa dengan perasaan hati. Misalnya seni sastera, seni suara, seni musik dan sebagainya.
- 2) Seni Visual : iaitu hasil kesenian yang dapat dilihat dengan pandangan mata seperti tarian-tarian pencak silat

³Abdul Alim Abdullah, " Kesenian Menurut Pandangan Islam ", Al Islam, Bil. 8, Tahun 9, September 1981, m.s. 30.

⁴Sidi Casalba, pp.oit, m.s. 10 - 11.

seni lukis, seni ukir, seni bina dan lain-lain.

- 3) Seni Audio Visual : iaitu hasil kesenian yang berbentuk drama dan filem.
- 4) Seni Verse : iaitu hasil kesenian yang berbentuk kesusa teaman. Terdapat banyak bahagian-bahagiannya dan boleh disimpulkan di dalam dua bahagian;
 - a. Prosa : iaitu karangan-karangan biasa seperti bahasa percakapan harian.
 - b. Puisi : iaitu karangan-karangan berangkap, --berkerat seperti pantun, syair, sajak, gurindam, seloka dan la in-lain.

Jadi di sini, rupa yang cantik, bunyi yang merdu dan susunan kata-kata yang indah dan menarik hati, itulah yang dinamakan kesenian, di mana ianya membelenggu pandangan mata terhadap objek yang dilihatnya.⁵

Berpandukan kepada hasil kajian yang dibuat ini, penulis telah mengkhususkan di bidang kesenian audio sebagai salah satu dari cabang kebudayaan. Ini adalah kerana permainan Dikir Barat ini merupakan satu kesenian yang merangkumi seni suara, seni musik dan seni lakon.

Pada hakikatnya, seni itu merupakan pancaran batin manusia yang dipancarkan melalui berbagai-bagai karya, seperti mana yang

⁵ Mahmud Ahmad, Teras Kebudayaan Nasional, Qalam, Singapura, 1988, m.s. 29

telah disebutkan. Seni bukan sahaja dapat dilihat di dalam peristiwa sehari-hari, tetapi juga ada di dalam upacara-upacara adat yang sekali sekali dilakukan di dalam masyarakat kita. Seni merupakan fitrah manusia dan aktiviti-aktiviti kesenian selalunya ditemui di sepanjang sejarah manusia.⁶

Seni dalam pengertiannya bukan sahaja mengenai keindahan tetapi dikaitkan juga dengan ciptaan manusia, sehingga dapat membentuk bentuk-bentuk yang menyenangkan. Sebagai satu aspek kebudayaan, seni amatlah penting kepada penghidupan manusia kerana ia melibatkan tindak tanduk dan tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan sehari-hari. Untuk hidup, seseorang belum cukup hanya dengan organa memuaskannya, kerana fitrah yang kedua mendorong manusia ialah ingin senang. Rasa ingin senang ini yang membentuk ghairah seni yang melahirkan kegiatan mencipta dan menikmati seni.

Agama Islam memandang positif terhadap kedudukan seni sebagai sesuatu yang indah.⁷ Ini dapat dibuktikan di dalam firman Allah surah Al Kahfi ayat 7 :

إِنَّا جَعَلْنَا مَا عَلَى الْأَرْضِ زِينَةً لَهَا لِيَبْلُوهُمْ أَيُّهُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ﴿٧﴾

Maksudnya: " Sesungguhnya Kami telah menjadikan apa yang ada di muka bumi sebagai perhiasan baginya, su-

⁶ Ahmad J. Husin, " Ciptaan Seni Mesti Bermoral ", Dakwah, Bil. 57, Tahun 6, Jun 1982, m.s. 24

⁷ Abdul Alim Abdullah, op.cit, m.s. 31

paya Kami uji manakah di antara mereka yang lebih baik amal perbuatan.⁸

Oleh kerana kesenian merupakan cabang kebudayaan, maka dengan sendirinya ia merangkus di dalam kebudayaan Islam. Ianya hendaklah disahkan oleh Islam, kerana agama Islam adalah penentu dalam penggubalan dasar kebudayaan dan juga dalam pelaksanaannya. Ini akan mewujudkan satu masyarakat Islam yang terdiri dari kelompok manusia yang bekerjasama dan hidup berasaskan prinsip-prinsip Al Quran dan hadis dalam setiap aspek kehidupan.⁹

2. Islam dan seni

Apabila dipertatakan tentang kesenian, seringkali terbayang bahawa kesenian itu hanya menentangkan aspek hiburan dan keseronokan sahaja. Lantaran itu, ianya dipandang negatif kerana boleh selalukan atau boleh membangkitkan perasaan syahwat.¹⁰

Secara umumnya didapati ulama-ulama menolak untuk menghubungkan seni dengan agama. Ini adalah ekoran daripada pandangan mereka yang negatif terhadap kesenian. Namun pandangan ini sememangnya

⁸ H. Zainuddin Hamidy, Fachruddin Hs, Al Quran Dan Terjemahan, Percetakan Nahdi, Pulau Pinang, Cetakan 1, 1987, m.s. 414.

⁹ Mahayuddin Haji Yahaya, Islam Dan Pembangunan Negara, Cetakan 1, 1986, Penerbit UKM, Bangi, m.s. 117

¹⁰ Dr. Ismail Hamid, Peradaban Melayu Dan Islam, Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, 1985, m.s. 96.

benar, kerana agama Islam tidak mempunyai hubungan dengan kesenian. Agama Islam adalah tata hubungan manusia dengan Tuhan. Dalam kita beribadat kepada Allah, Dia tidak memerlukan kesenian, unpananya dalam sembahyang tidak boleh diiringi oleh sebarang alat musik. Tetapi kesungguhan, ketekunan, penghayatan dan kesedaran yang disebut khushyuk. Penghayatan kepada Illahi secara mendalam dapat menegakkan rasa ghairah cipta dan timbulnya karya-karya seni adalah kesan agama terhadap kebudayaan.

Agama bukannya bidang kebudayaan bagi Islam. Agama dan kebudayaan membentuk ad-din. Setiap gerak dalam kehidupan umat Islam, adalah berpangkal kepada agama dan berhubung pada kebudayaan. Jadi dengan meletakkan kebudayaan dalam ad-din, Islam dapatlah diselesaikan kedudukan kesenian dalam Islam.¹¹

Islam adalah agama dalam ortikata yang sebenarnya, iaitu agama yang ditansilkan oleh Allah Yang Maha Esa dengan perantaraan wahyu menerusi pesuruhNya yang terpilih dan dasar-dasar akidah dinyatakan dalam kitab suci Al Quran serta amalan-amalan dibicarakan dalam sunnah Nabahnya yang agung itu. Dilihat dari fakta-fakta sejarah menunjukkan bahawa Islamlah yang mewujudkan kebudayaan. Islam dan bukan sebaliknya. Masyarakat Islam adalah masyarakat yang menjadikan pengaruh keislaman ke atas segala bidang kehidupannya. Hasil pengaruh serta daya cipta keislaman inilah yang difahankan se-

¹¹ Sidi Gasalba, op.cit., m.s. 50

bagai kebudayaan Islam. Islam membawa kebenaran dan membasmi kepalsuan. Ia juga adalah agama akhlak yang merangkumi setiap aspek kehidupan diri individu dan masyarakat.¹²

Dalam membincangkan tentang kesenian ini, terdapat berbagai-bagai pandangan kesenian ini. Orang-orang atheis mengatakan bahawa "seni itu untuk hidup", manakala orang-orang materialis mengatakan bahawa "seni untuk seni". Dua prinsip di atas berbeza dengan perspektif yang dianuti oleh Islam. Menurut agama Islam, ianya ber-konsep "seni kerana Allah untuk manusia". Ini bermakna seni yang menanoar dari nurani umat Islam bertujuan untuk menarik manusia kembali mengenal dan mengingati Tuhan serta kebesaran-kebesarannya yang ada padanya. Shinggakan seni itu sendiri mampu untuk meng-
tuk pintu hati seseorang insan untuk menanyai tentang asal kewujudan mereka.

Agama Islam meninjau seni itu hanyalah sebagai integrasi manifestasi kejiwaan insan itu dengan kebenaran hakiki, iaitu Allah yang maha khaliq. Inilah matlamat sesuatu karya seni dalam konsep Islam. Karya-karya seni merupakan penjelmaan perasaan dan akal yang normal, bukan berdasarkan penilaian kebendaan.¹³

Menurut agama Islam, seni sejati mengandungi nilai-nilai yang

¹²Prof. Dr. Syed Muhammad Naquib Al Attas, Syarahan Tun Seri Lanang : Islam Dan Kebudayaan Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Kuala Lumpur, 1977, m.s. 12 - 13.

¹³Abu Husaira, "Falsafah Kesenian Menurut Pandangan Islam, Dan Barat", Dakwah, Bil. 109, Tahun 10, April 1986, m.s. 21

ral dan kedua-dua unsur ini saling berkait rapat. Dengan memang-
kalkan seni kerana Allah, dengan sendirinya ia mengandungi moral.
Suruhan dan larangan daripada Allah ini berbentuk syariat, terjadi
di antara agama dan kebudayaan, lalu terbentuklah kesenian.

Kesenian adalah dilahirkan oleh agama dan etika merumuskan
ajaran agama tentang yang baik dan yang buruk. Ialah kebudayaan,
di mana agama menduduki tempat dominan seperti di dalam masyara-
kat Islam, etika mengawal kesenian. Tetapi di dalam kebudayaan mo-
den saman kini, hubungan antara seni dengan agama telah terputus.
Dengan ini aliran-aliran kesenian " seni untuk seni " dan " seni
untuk sesuatu " dapat dihasilkan. Tanpa latar belakang rasa agama,
yang mendalam, kedua-dua aliran di atas tidak boleh diterima mengi-
kut pandangan Islam. Seni barat hanya berfungsi estetika dan tidak
berkait dengan moral. Seni sejati dikhendakki agar ia mengandungi
moral dan bukan untuk mengajar idealisme politik atau individu.¹⁴

Seni Islam dapat memberikan sumbangan yang positif dan ber-
usaha untuk menggambarkan dan menyelesaikan masalah-masalah dunia
dengan akhirat. Seni Islam dapat melahirkan hakikat bahawa hidup
lebih luas dari alam ini dan menarik perhatian kepada undang-unda-
ng Allah terhadap tujuan hidup manusia di dunia fana ini,

Perbedaan antara seni Islam dan seni barat ialah motif dan
nilai etika yang dikandungnya, tetapi fungsinya sebagai bidang ke-

¹⁴ Ahmad J. Husin, " Ciptaan Seni Pasti Bermoral ", Dakwah,
Bil. 57, Tahun 6, Januari 1982, m.s. 24.

budayaan ialah sama. Hanya seni Islamiah yang terjalin dalam hubungan organik dengan kebudayaan Islam. Seni adalah suatu unsur untuk pembinaan salam, kerana itulah umat Islam mencipta seni dan menikmati karya seni.

Oleh kerana kesenian seringkali dikaitkan dengan sesuatu yang indah dan Allah s.w.t juga gemarkan keindahan. Lazimnya apabila membicarakan tentang seni dalam Islam sebagai ad-din, ianya didasarkan kepada hadis berikut;

ان الله جميل يحب الجمال فان الله طيب يحب الطيب

Maksudnya; " Sesungguhnya Allah itu indah, Dia sukakan keindahan. Sesungguhnya Allah itu baik, Dia sukakan kebaikan. ²¹⁵

3. Batas-batas kesenian dalam Islam

Sebagaimana yang diketahui agama Islam amat menghargai kesenian, tetapi ianya mestilah berada di dalam batas-batas dan ruang lingkup hukum-hukum atau syariat Islam. Tegaknya kedudukan seni dalam Islam mestilah terangkum di dalam semua ajaran Islam, kerana Islam adalah ad-din yang lengkap dan merangkumi seluruh aspek kehidupan.

Pada hakikatnya, rasa indah itu adalah fitrah pembawaan hi-

¹⁵ Ibid, n.s. 26

dup manusia yang dikurniakan oleh Allah s.w.t, namun Islam telah menggariskan batas-batas keindahan itu. Artinya di dalam persoalan ini, hendaklah dibedakan di antara kesenian dan isi atau kewujudan kesenian itu sendiri. Ianya boleh dihukumkan haram apabila ia membawa kemudharatan di dalam aspek kehidupan manusia.

Seni yang dikobhendakki di dalam Islam ialah seni untuk pengabdian kepada Allah dan berkhidmah untuk manusia. Lantaran hasrat-sifat seni di dalam apa-apa bentuk sekalipun, yang boleh membina akhlak manusia dan mendekatkan diri kepada Allah, sesenangnya dibolehkan di dalam Islam. Ini bertepatan dengan apa yang pernah dikatakan oleh Drs. Sidi Gasalba.¹⁷

Berdasarkan kepada fakta-fakta sejarah juga, didapati bahawa terdapat di kalangan orang-orang Islam yang pernah menyanyi nasid sewaktu menyambut ketibaan Rasulullah s.a.w ke Madinah. Begitu juga dengan sahabat-sahabat baginda yang lain seperti Saidina Abu Bakar, Bilal dan Abbas b. Mardas. Mereka ini pernah menyanyikan lagu-lagu syair di dalam menggambarkan perasaan hati mereka.¹⁸

menurut pandangan Islam, kesenian itu dihukumkan haram apabila ianya terikat kepada perkara-perkara yang dapat melupakan pendengarnya kepada Allah, seperti yang berbentuk hiburan nyanyian

¹⁷ Abdul Alim Abdullah, op.cit, m.s. 31.

¹⁸ Mohd. Nawawi b. Haji Ahmad, Nyanyian Dan Musik - Menurut Perspektif Islam, Fakulti Syarikh, Akademi Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Januari 1988, m.s. 64 - 66.

dan musik serta mendorong pendengaranya melakukan kenakalsatan umpang
nya meminum arak, bersina dan sebagainya.¹⁹ Ini adalah kerana seni
merupakan bidang yang kontraversi dan menyentuh dunia rasa yang e-
mat sensitif. Bagi mereka yang berhati-hati, pastinya akan teresalg
mat kelak dan tidak akan terjerumus ke lembah naksiat.²⁰ Di dalam
Al Quran ada memberikan garis panduan untuk para seniman, sebagai-
mana firman Allah di dalam surah As Syu'ara, ayat 221 - 227 yang
berbunyi:

مَلَأْنِيكَ عَلَنَ مَن تَنَزَّلُ الشَّيَاطِينُ ﴿٢٢١﴾ تَنَزَّلُ عَلَى كُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٍ ﴿٢٢٢﴾ يُلْقُونَ السَّمْعَ وَأَكْثُرُهُمْ كَلْبِيُونَ
﴿٢٢٣﴾ وَالشَّرَّاءَ يَنْمِيهِمُ الْغَاوُونَ ﴿٢٢٤﴾ أَلَمْ تَرَ أَنَّهُمْ فِي كُلِّ وَادٍ يَمِينُونَ ﴿٢٢٥﴾ وَأَنَّهُمْ يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ
﴿٢٢٦﴾ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَذَكَرُوا اللَّهَ كَثِيرًا وَانْتَصَرُوا مِن بَعْدِ مَا ظَلَمُوا وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ
مَنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

Maksudnya: " Apakah akan aku beritakan kepadamu, kepada si-
pa syaitan itu akan diturunkan. Mereka turun
kepada tiap-tiap pendusta yang banyak dosa. Me-
reka menghadapkan pendengaran kepada syaitan i-
tu dan kebanyakan mereka adalah orang-orang ya-
ng sesat. Tidakkah kamu melihat bahawasanya me-
reka suka mengatakan apa yang mereka sendiri
tidak mengerjakannya? Kecuali penyair-penyair
yang beriman dan beramal saleh serta banyak me-

¹⁹ Abdul Wahab Md. Dah, " Kedudukan Musik Dalam Islam ", Dak-
wah, Bil. 62, Tahun 6, Jun 1982, m.s. 16.

²⁰ Mohd. Nawawi B. Haji Ahmed, op.cit, m.s. 38

nyebut Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kosaliman. Dan orang-orang yang se-
 lin itu kelak akan mengetahui ke tempat mana
 mereka akan kembali.²¹

Apabila seniman-seniman itu melewati batas-batas yang telah
 ditetapkan ini. Mereka akan hanyut dalam kesenangan yang merosak -
 kan diri mereka sendiri dan tidak lagi mendengar panggilan-panggil
 an asan. Lantaran itu mereka akan meninggalkan ibadat kepada Allah.

Seperti juga seni-seni yang lain, seni audio juga harus ber-
 pangkal kepada Allah dan berhikmah kepada manusia. Di sinilah le -
 taknya tanggungjawab seni tersebut iaitu harus mengandungi nilai -
 nilai akhlak, kerana seni audio ini mempunyai implikasi yang besar
 kepada akhlak manusia. Terdapat di kalangan golongan sufi yang se-
 nganggap seni audio ini mesti ditinggalkan jika ianya membawa kita
 ke suatu arah yang merosakkan diri dan keimanan kita. Ini berten -
 tangan dengan nilai-nilai estetika yang berfungsi memberi hiburan
 dan menyampaikan nilai-nilai akhlak.²²

Menurut Islam, setiap unsur atau aktiviti seni yang makruh
 adalah dilarang dan patut ditinggalkan kerana ia juga akan menda-
 tangkan kemudharatan. Kesenian tidak mengajar moral, tetapi salah
 satu yang asasi di dalam seni Islam ialah seni mesti mengandungi

²¹H. Zainuddin Hamidy, Fachruddin Ha, op.cit, m.s. 545

²²Abdul Wahab Md. Dah, op.cit, m.s. 16

moral dan tertakluk kepada nilai-nilai Islam. Seni yang diruktif dan komitted kepada Islam tidak akan menyebabkan berlakunya penyelewengan. Seni yang diresuai oleh Islam akan mengasuh dan mendidik manusia ke destinasi yang baik. Dengan menangkalkan seni itu ke Allah, dengan sendirinya ia akan terjalin ketat dengan moral.

Nilai makruh dan haram yang dikandung oleh karya-karya ber-aliran " seni untuk seni " dan " seni untuk sesuatu " dijauhi oleh karya-karya dalam Islam. Maka karya-karya seni yang dicipta atas nama Islam, mestilah untuk kebaikan dan kesejahteraan. Kewajipan seni ialah untuk menolong menghapuskan masalah politik dan sosial.²³

Kesimpulannya di sini, jelaslah bahawa agama Islam sama sekali tidak pernah mengharankan kesenian, malahan Islam menerima segala hasil-hasil kesenian yang bercorak seperti penyanyi-penyanyi dan alat-alat musik seperti gambus serta memberi jaminan bahawa ahli-ahli musiknya tidak akan disiksa, sekiranya kesenian tersebut tidak terkeluar dari batas-batasnya. Di sini kita perlu membesakan antara seni sebagai saluran dan seni sebagai bahan yang diisikan ke dalamnya. Setiap bahan seni adalah haram, kalau ianya mengandungi nilai-nilai yang dilarang oleh akhlak Islam.²⁴

²³Shahnon Ahmad, Kesusasteraan Dan Etika Islam, Fajar Bakti Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1981, m.s. 3 - 4.

²⁴Ibid.

4. Pandangan Islam tentang kesenian

Pada dasarnya kesenian berkait rapat dengan diri manusia dan merupakan sebahagian dari fitrah, kerana setiap manusia di dunia ini suka kepada keindahan dan kebaikan. Oleh kerana itulah, Islam merupakan agama yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia. Oleh yang demikian, Islam juga mempunyai pandangan yang positif terhadap kesenian. Agama Islam menjadi sebagai jalan yang menghubungkan antara manusia dengan Allah. Walaupun kesenian mempunyai pertalian dengan aspek-aspek kerohanian manusia, tetapi agama Islam tidak memerlukan seni untuk menghubungkan manusia dengan Tuhan seperti yang terdapat di dalam ajaran agama-agama lain. Di dalam sembahyang contohnya, tidak diperlukan alat-alat musik. Islam hanya menggalakkan seseorang itu mempunyai suara yang merdu ketika membaca ayat-ayat Al Quran ketika bersembahyang, untuk melahirkan rasa penghayatan kepada isi firman Allah. Begitu juga dengan laungan-laungan asan yang bertujuan untuk membangkitkan emosi di dalam diri manusia sehingga mereka terharu dengan suara yang indah dan menggerakkan hati nurani ke arah keimanan dan menunaikan rukun sembahyang.²⁵

Para ulama juga menolak hubungan seni dengan agama dan memberikan pandangan yang negatif terhadap seni. Ini adalah musibah, dari perkembangan seni yang sewenang-wenangnya, sehingga seni yang

²⁵Dr, Ismail Hamid, op.cit, m.s. 98.

indah itu bercampur aduk dengan unsur-unsur erotik yang bertujuan untuk berseronok dan mendorong manusia ke arah nafsu syahwat semu ta-mata.

Menurut pandangan Islam, kesenian tidak boleh dimasukkan di dalam wilayah agama, tetapi di dalam wilayah kebudayaan, kerana Islam memandang agama sebagai pangkal dari setiap gerak fikir dan tindakan manusia. Jadi, mendahului kebudayaan dalam cara hidup manusia, bahkan ia mengendalikan dan mengawal kehidupan. Apabila agama dan kebudayaan membentuk integrasi, din Islam dihasilkan.

Pengaruh agama ini, mungkin dapat melahirkan seni sebagai bidang kebudayaan yang setingkat kedudukannya dengan sosial, politik, ekonomi, teknik dan pengetahuan. Apabila kesemua faktor-faktor ini pada asasnya halal, maka kedudukan kesenian juga dipandang halal.

Dalam pembinaan hukum Islam mengenai sesuatu perkara, kita harus berpandukan kepada dalil-dalil yang menunjukkan keharusannya. Misalnya satu pembinaan hukum fiqh di dalam Islam, menurut Imam As Sya'fi iaitu;

الأصل في الأحكام العبادية الإباحة

Maksudnya: "Hukum dalam semua perkara ialah harus."

Agama Islam menghalalkan kesenian berdasarkan kepada beberapa aspek yang telah digalakkan oleh Al Quran dan hadis. Nabi Muhammad sendiri pernah meminta Hassan b. Thabit, seorang penyair untuk

membalas puisi-puisi pengarang yang tidak percaya kepada Allah . Terdapat dua potong hadis riwayat Bukhari dan Muslim dari "Ummul Mukminin Aisyah, isteri Rasulullah s.a.w di mana beliau telah berkata:

" Saya telah melihat Nabi Muhammad s.a.w menyelubungi saya dengan selindang baginda dan saya melihat kepada orang-orang Habayi menari-nari dalam masjid sehingga saya bosan melihatnya."

Manakal dalam satu riwayat lain pula dinyatakan bahawa Abu Bakar r.a datang kepada Nabi Muhammad, sedangkan pada ketika itu , dua orang sahaja perempuan bergendang memalu rebana pada hari mina dan Nabi s.a.w bertudung dengan kain baginda. Maka Abu Bakar menyanggah kedua-dua jariah itu, lalu Nabi s.a.w menampakkan wajahnya sambil berkata: " Biarkan kedua-duanya meneruskan permainan mereka. Hari ini hari raya."²⁶

Berdasarkan nas tersebut, nyata Islam menerima seni audio dan dari sini musik mula mendapat tempat dalam masyarakat Islam . Masyarakat Islam menggunakan alat-alat musik dalam berbagai bentuk penyampaian seperti sikis, nasyid dan lain-lain, untuk memuji kebesaran Allah s.w.t dan junjungan besar Nabi Muhammad. Sebenarnya di dalam Islam, musik yang digalakkan untuk masyarakat muslim adalah musik yang dapat mengingatkan pendengar kepada kewajipan mereka terhadap Allah s.w.t. dan menggerakkan hati nurani manusia untuk

melaksanakan segala ajaran dan suruhannya.

Apa yang dapat dirumuskan di sini ialah, seni musik dalam Islam adalah diharuskan dengan syarat menaati batasan-batasan yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Jika salah satu dari batasan-batasan itu tidak diikuti, ini bermakna seni musik itu adalah haram, kerana seni musik tidak mempunyai kesan yang mendalam terhadap pendengarnya. Jikalau seni musik itu mengandungi nilai akhlak yang buruk, sudah pasti pendengarnya akan terikut-ikut sehingga membawa kepada perkara-perkara yang buruk. Inilah sebabnya, Islam membolehkan tiap hasil kesenian harus menyampaikan nilai-nilai akhlak yang baik, di samping mencari kebenaran untuk mendekatkan diri kepada Allah. Dengan cara ini sahaja orang-orang muslimin dapat mengabdikan dirinya kepada Allah semata-mata,²⁷ seperti firman-Nya yang berbunyi di dalam surah Al An'am, ayat 162

أَقُولُ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

Maksudnya: " Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanya untuk Allah, Tuhan semesta alam."²⁸

5. Ciri-ciri kesenian dalam Islam

Apabila membicarakan tentang kesenian, seringkali terbayang

²⁷ Abdul Wahab Md. Dah, op.cit, m.s. 17 - 18.

²⁸ H. Zainuddin Hamidy, Fachruddin Hs, op.cit, m.s. 207.

di ruang mata, ianya hanya meluputi hiburan-hiburan yang berupa ke-
seronokan dan dipenuhi dengan perkara-perkara haram. Namun di seba-
lik pandangan negatif ke atas kesenian yang berbentuk hiburan ini,
masih terdapat ciri-ciri kesenian yang dihalalkan menurut pandang-
an agama Islam dan berseesuaian dengan fitrah semulajadi manusia.²⁹

Antara ciri-ciri kesenian yang dihalalkan di dalam Islam i-
tu mencakupi beberapa aspek yang penting iaitu:

- a) Hendaklah diteliti kepada pengertian kesenian itu sendi-
ri yang meliputi tiga unsur iaitu keindahan, .. kebaikan
dan kebenaran. Ketiga-tiga unsur asas ini, bersepadu un-
tuk membentuk satu kesenian Islam. Dan di dalam istilah
falsafah, ianya dikenali sebagai estetika dan logika.

Ciri-ciri estetika mengandungi unsur-unsur kecan-
tikan samada di dalam susunannya ataupun di dalam keke-
sanaanya secara keseluruhan. Manakala etika pula melipu-
ti elemen-elemen akhlak untuk membina keperibadian manu-
sia yang mulia dan bertepatan dengan logika iaitu kebena-
ran-kebenaran hakiki. Ketiga-tiga unsur ini adalah ber-
sumberkan kepada Al Quran sebagai sumber ilmu yang satu.
Kerana menurut Ibnu Khaldun, kebenaran yang menyampaikan
kebenaran Illahi yang menyerapkan nilai-nilai akhlak ye-
ng mulia dan yang tersusun secara indah sahajalah yang

²⁹ Dr. Ismail Hamid, op.cit, m.s. 96.

berhak disebut sebagai karya seni yang baik dan berguna kepada manusia, serta menjamin pembangunan dan pengembangan manusia dalam erti kata yang sebenarnya.

- b) Kesenian Islam mestilah berasaskan kepada konsep keimanan dan nilai hidup Islam serta memancarkan rasa taqwa dan arus pergolakan hidup manusia. Tanpa kedua-dua ciri ini, kesenian Islam tidak akan wujud dan seseorang pencinta seni tidak dapat mengeksploitkan bakat seni yang dianugerahkan oleh Allah kepadanya untuk menyatakan estetika, etika dan logika.³⁰
- c) Hasil kesenian itu hendaklah yang dapat mencerminkan detik-detik luhur perhubungan manusia dengan penciptanya, serta menggambarkan pengembaraan manusia mencari kebenaran yang hakiki. Seterusnya dapat melahirkan rasa kesedaran, keindafan, kemerosaan dan cinta kepada sesuatu yang indah dan benar.
- d) Kesenian Islam mestilah dapat melukiskan penyerlahan rasa kecintaan kepada Tuhan yang maha esa dan dapat menandakan rasa khusyuk kepada Allah di samping memberi kesenangan di jiwa manusia sebagai makhluk Allah yang diciptakan dengan fitrah yang gemarkan kepada kesenian. Dalam banyak hal, ianya hendaklah menggambarkan perhubungan

³⁰Shahnon Ahmad, "Falsafah Seni Dalam Pembinaan Negara", Dewan Budaya, Bil. 4, Jilid 8, April 1986, m.s. 17.

nusia dan Tuhannya sebagai hubungan taabudiah dan hubungan manusia dengan manusia sebagai hubungan insaniah.³¹

- e) Kesenian Islam mestilah tidak bertentangan dengan akidah syariat dan prinsip hidup Islam. Setiap hasil kesenian yang dihasilkan itu hendaklah diniatkan sebagai satu ibadat demi untuk mendapat keredhaan dari Allah s.w.t. Ini dengan sendirinya akan mewujudkan anggota masyarakat yang beretika.³²
- f) Kesenian yang menunjukkan satu tentangan terhadap apa jua bentuk kezaliman dan mengembalikan kebenaran yang sebenarnya. Tentangan ini dapat dihasilkan melalui gambaran pertarungan di antara dua sifat yang berlainan serta dapat memberikan keinsafan kepada orang-orang yang menghayatinya. Dengan ini kita dapat mengetahui dengan jelas bentuk-bentuk kehidupan manusia dengan segala permasalahan dan konfliknya, di samping cuba untuk mengatasinya dengan menggunakan pendekatan-pendekatan yang bercorak keislaman.³³
- g) Agama Islam melarang pencinta-pencinta seni dari menjolkan gerak geri mereka secara keterlaluan seperti aksi

³¹ Mahayuddin Yahaya, op.cit, m.s. 54.

³² Abd. Rahman Hanafiah, " Unsur-Unsur Islam Dalam Drama Melayu ", Al Islam, Bil. 2, Tahun 9, Februari 1982, m.s. 46.

³³ Mahayuddin Yahaya, op.cit, m.s. 54.

aksi mereka yang boleh menimbulkan suasana yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam dan tidak menimbulkan sebarang fitnah kepada pencinta-pencinta seni tersebut, juga tidak melalaikan tanggungjawab mereka kepada Allah. Ibnu Majah ada meriwayatkan:

" Sungguh kelak ada beberapa orang umatku yang suka minum arak, mereka menamakannya dengan nama lain. Kepala mereka dilalaikan dengan bunyi-bunyian dan nyanyian-nyanyian, kerana itu Allah akan menenggelamkan mereka ke dalam bumi dan mereka dijadikan seperti kera dan babi." —

- h) Kesenian akan menjadi haram apabila terdapat kata-kata yang keji dan tidak bersesuaian dengan tatasusila Islam sebagai contohnya di dalam seni musik dan seni suara, ianya mestilah ditujukan kepada sesuatu yang tidak bertentangan dengan etika dan ajaran-ajaran Islam seperti menyaji kebesaran Allah, Rasulnya serta membangkitkan semangat berani, seandainya seni nyanyian ini dipenuhi dengan puji-pujian terhadap arak dan mengajak orang ramai supaya meminumnya, dengan sendirinya kesenian itu menjadi haram. ³⁴

³⁴ _____, " Huraian Terperinci Halal Dan Haram Nyanyian Dan Musik," Al Islam, Bil. 12, Tahun 14, m.s. 10 - 11.

Kesimpulannya dapatlah dirumuskan, bahwa agama Islam sama sekali tidak melarang penganut-penganutnya untuk menikmati hasil-hasil karya seni selagi ia tidak bertentangan dengan keusulan agama Islam. Allah s.w.t sendiri sukakan keindahan, dan rasa keindahan adalah merupakan anugrah Illahi kepada hambanya untuk menikmati dengan sebaik-baiknya tanpa melewati sempadan yang telah ditetapkan di dalam agama Islam.